



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 20-22 Mei 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
 Unit Komunikasi Korporat
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>RM4.5 Juta Bantu 9,000 Warga Emas Kelantan Sebulan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/21/rm4-5-juta-bantu-9000-warga-emas-kelantan-sebulan/</p> <p>https://www.hotfm.audio/rm4-5-juta-bantu-9000-warga-emas-kelantan-sebulan/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-kelantan-peruntuk-rm4-5-juta-sebulan-tampung-belanja-warga-emas/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969374/rm45-juta-sebulan-tampung-belanja-warga-emas-di-kelantan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-kelantan-peruntuk-rm45-juta-sebulan-tampung-belanja-9034-warga-emas-420510</p>	<p>FMT</p> <p>Hot FM</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p>

	https://www.sinarharian.com.my/article/259605/edisi/kelantan/rm45-juta-sebulan-tampung-belanja-9034-warga-emas https://luminews.my/ms/news/1305604	<p>Sinar Harian</p> <p>Luminews</p>
2	<p>Bantuan Bulanan RM5.8 Juta Buat Warga Emas, Pesakit Terlantar</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259589/edisi/kelantan/bantuan-bulanan-rm58-juta-buat-warga-emas-pesakit-terlantar</p>	<p>Sinar Harian</p>
3	<p>Penderitaan Muhammad Athif Dapat Perhatian Kerajaan Negeri</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/21/penderitaan-muhammad-athif-dapat-perhatian-kerajaan-negeri/</p>	<p>Kosmo</p>
4	<p>Kanak-Kanak 11 Tahun, Remaja Lelaki Ditemukan Lemas Di Sungai Masai</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-11-tahun-remaja-lelaki-ditemukan-lemas-di-sungai-masai-420381</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1103643/kanak-kanak-lemas-remaja-masih-hilang-di-sungai-masai</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/20/kanak-kanak-remaja-ditemui-mati-lemas/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63812-kanak-kanak-lemas-remaja-hilang-di-johor</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p>
5	<p>Kanak-Kanak Maut Dalam Kemalangan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259383/berita/semasa/kanak-kanak-maut-dalam-kemalangan</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/20/kereta-jatuh-gaung-seorang-kanak-kanak-maut/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=43gHqmDjAww</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=z3cHdMlh1o</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Buletin TV9</p>

	https://www.kosmo.com.my/2023/05/20/kanak-kanak-maut-perodua-myvi-jatuh-gaung/	Kosmo
	https://wartaoriental.com/2023/05/21/kanak-kanak-lelaki-maut-perodua-myvi-jatuh-gaung/	Warta Oriental
6	Kanak-Kanak 6 Tahun Cedera Di Badan Akibat Terkena Percikan Bahan Kimia https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-6-tahun-cedera-di-badan-akibat-terkena-percikan-bahan-kimia/ https://www.youtube.com/watch?v=gAG8u8b7cQc	Buletin TV3 Buletin TV3
7	Kasari Dua Kanak-Kanak: Pengasuh Didakwa Esok https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/20/kasari-dua-kanak-kanak-pengasuh-didakwa-esok https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2190699 https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1104041/pengasuh-mengaku-salah-cuai-jaga-bayi https://www.kosmo.com.my/2023/05/21/pengasuh-mengaku-salah-cuai-jaga-bayi/ https://www.sinarharian.com.my/article/259535/berita/semasa/pengasuh-didakwa-cuai-boleh-sebabkan-dua-bayi-cedera https://www.youtube.com/watch?v=L1JQkstIGyw https://www.youtube.com/watch?v=S3xe_Fhr2ZQ https://www.youtube.com/watch?v=UBjo2oQaxuA https://www.youtube.com/watch?v=obRsIFymQ7Q https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/pengasuh-mengaku-bersalah-cuai-jaga-bayi/ https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2190880	Utusan Borneo Bernama Berita Harian Kosmo Sinar Harian Harian Metro Buletin TV3 Buletin TV3 Astro Awani Utusan Bernama

	<p>https://malaysiagazette.com/2023/05/21/pengasuh-mengaku-bersalah-kasari-dua-bayi/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63896-seorang-wanita-mengaku-bersalah-mengasari-dua-bayi</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/21/pengasuh-mengaku-salah-cuai-terhadap-dua-bayi-di-taska</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/05/20/pengasuh-disyaki-dera-2-bayi-di-taska-johor-bahru-diheret-ke-mahkamah-ahad</p> <p>https://www.hotfm.audio/pengasuh-mengaku-salah-cuai-terhadap-2-bayi-taska/</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita RTM</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Majoriti</p> <p>Hot FM</p>
8	<p>Statistik Pesakit Kanser Kanak-Kanak Di Sarawak Membimbangkan – Dr Sim</p> <p>https://tvstv.my/2023/05/20/statistik-pesakit-kanser-kanak-kanak-di-sarawak-membimbangkan-dr-sim/</p>	<p>TVSTV</p>
9	<p>Siasat Jika Pengasuh Culas Hingga Sebabkan Kematian Anak - Bapa Kembar</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969397/siasat-jika-pengasuh-culas-hingga-sebabkan-kematian-anak-bapa-kembar</p>	<p>Harian Metro</p>
10	<p>Polis Buru Lelaki Samun Barista Wanita</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969322/polis-buru-lelaki-samun-barista-wanita</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=cFnMgFydX-g</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259570/berita/semasa/wanita-disamun-lelaki-bersenjatakan-pisau</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette TV</p> <p>Sinar Harian</p>
11	<p>Keprihatinan Pemandu Grab Bantu Wanita Warga Emas Tular</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1103966/keprihatinan-pemandu-grab-bantu-wanita-warga-emas-tular</p>	<p>Berita Harian</p>

	https://suaramerdeka.com.my/video-pemandu-grab-bantu-wanita-warga-emas-mendapat-pujian/	Suara Merdeka
12	<p>Libat Wanita Dalam Proses Buat Keputusan Berkaitan Penyesuaian Iklim</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259293/berita/nasional/libat-wanita-dalam-proses-buat-keputusan-berkaitan-penyesuaian-iklim</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/pm-komitmen-dukungan-berterusan-perkasa-wanita-dalam-ekonomi-kewangan-dan-sosial-CB10996073</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p>
13	<p>Warga Pakistan Ditahan, Rogol Wanita OKU</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/968655/warga-pakistan-ditahan-rogol-wanita-oku</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-pakistan-ditahan-bantu-siasatan-rogol-wanita-oku/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259308/berita/semasa/lelaki-pakistan-ditahan-didakwa-rogol-oku</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-pakistan-ditahan-rogol-oku-420289</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/19/lelaki-pakistan-direman-bantu-siasatan-kes-rogol-oku/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p>
14	<p>Ibu Tunggal Raih RM10,000 Hasil Tanam Kacang Tanah</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259544/edisi/pahang/ibu-tunggal-raih-rm10000-hasil-tanam-kacang-tanah</p>	Sinar Harian
15	<p>Ibu Tunggal Hilang Sebelah Kaki, Anak Tempat Bergantung</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/ibu-tunggal-hilang-sebelah-kaki-anak-tempat-bergantung/</p>	Kosmo
16	<p>Ibu Tunggal Terima Faedah Penakat RM100,000 Selepas 21 Tahun Suami Meninggal</p>	

	<p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/ibu-tunggal-terima-faedah-penakat-rm100000-selepas-21-tahun-suami-meninggal/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/ibu-tunggal-terima-faedah-penakat-rm100-000-selepas-21-tahun-suami-meninggal-90576.html</p>	<p>Utusan</p> <p>Malaysia Kini</p>
17	<p>Warga Emas Mangsa Pertama Kelesuan Haba Di Sabah</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1103622/warga-emas-mangsa-pertama-kelesuan-haba-di-sabah</p> <p>https://sabahmedia.com/2023/05/20/cuaca-panas-warga-emas-berusia-61-tahun-alami-kelesuan-haba/</p> <p>https://headtopics.com/my/warga-emas-mangsa-pertama-kes-kelesuan-haba-di-sabah-39338955</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Sabah Media</p> <p>Head Topics</p>
18	<p>Pesara Warga Emas Rugi RM89,300 Diperdaya Sindiket Parcel Scam</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pesara-warga-emas-rugi-rm89300-diperdaya-sindiket-parcel-scam/</p>	<p>Utusan</p>
19	<p>MAIWP Hulur Sumbangan Syawal RM90,000 Kepada OKU</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/259464/berita/nasional/maiwp-hulur-sumbangan-syawal-rm90000-kepada-oku</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/969016/maiwp-hulur-sumbangan-syawal-kepada-oku</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2190766</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p>
20	<p>Demi Rezeki, Mekanik OKU Baiki Motosikal Dari Atas Katil</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=8y36_xn3z5M</p>	<p>Harian Metro</p>
21	<p>Warga Malaysia Dikhuatiri Hilang Ketika Daki Everest</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/665831</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/21/ops-sar-pendaki-oku-hilang-di-everest-sukar/</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>FMT</p>

https://www.hotfm.audio/ops-sar-pendaki-oku-hilang-di-everest-sukar/	Hot FM
https://www.malaysianow.com/my/news/2023/05/22/operasi-menyelamat-pendaki-oku-mungkin-sukar-jika-terjatuh-di-kaki-gunung-lhotse	Malaysia Now
https://selangorkini.my/2023/05/pendaki-oku-malaysia-everest-2023-dikhuatiri-hilang-operasi-pencarian-masih-dijalankan/	Selangor Kini
https://majoriti.com.my/benua/2023/05/20/pendaki-oku-negara-hilang-selepas-tawan-puncak-everest	Majoriti
https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1103809/pendaki-negara-dilapor-hilang-selepas-takluk-everest	Berita Harian
https://www.thesundaily.my/cerita/berita/everest-tawan-kita-tahun-ini-ravichandran-sebak-insiden-menimpa-pendaki-negara-KA11001469	The Sun Daily

RM4.5 JUTA BANTU 9,000 WARGA EMAS KELANTAN SEBULAN

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/21/rm4-5-juta-bantu-9000-warga-emas-kelantan-sebulan/>

Sumber : Free Malaysia Today



PASIR PUTEH: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan memperuntukkan RM4.5 juta bagi menampung keperluan perbelanjaan 9,034 warga emas berusia 60 tahun ke atas di seluruh negeri ini setiap bulan.

Pengarah JKM negeri, Said Sidup, berkata jabatannya juga turut membelanjakan lebih RM1.3 juta sebulan, bagi membantu pesakit terlantar menerusi pemberian bantuan RM500 sebulan melalui penjaga masing-masing.

“Senarai penerima dikemas kini setiap tahun, selain lawatan dan pemantauan dilaksanakan bagi memastikan kebajikan mereka terbelas.

“Selain itu, JKM juga memberi kursus dan latihan mengurus pesakit terlantar kepada 274 sukarelawan JKM, penjaga pesakit dan warisnya dengan kerjasama St John Ambulans dan agensi kesihatan yang berkaitan,” katanya selepas merasmikan penutup Kursus Komuniti Home Nursing Care St John Ambulans di Pusat Latihan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Said berkata, jumlah 274 sukarelawan itu termasuklah bagi merawat lebih 3,000 pesakit terlantar di rumah masing-masing.

“Sebilangan besar penjaga pesakit itu, tidak mempunyai kepakaran untuk merawat termasuk bagi kes akibat serangan strok dan kemalangan jalan raya.

“Pendedahan ini melibatkan kaedah pemberian ubat dan mengamalkan senaman mengikut kaedah yang betul, supaya mereka cepat sembuh,” katanya.

Said berkata, usaha itu sudah bermula sejak 2019, tetapi tertangguh seketika akibat ancaman Covid-19 dan kini disambung semula.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk NGO dan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, bagi menjayakan kursus berkenaan yang membabitkan 10 jajahan di Kelantan.

Beliau berkata, sehingga ini, tujuh jajahan sudah pun diberi pendedahan mengenainya kecuali Gua Musang, Tanah Merah, dan Jeli, yang akan dilakukan dalam tempoh terdekat.

BANTUAN BULANAN RM5.8 JUTA BUAT WARGA EMAS, PESAKIT TERLANTAR

<https://www.sinarharian.com.my/article/259589/edisi/kelantan/bantuan-bulanan-rm58-juta-buat-warga-emas-pesakit-terlantar>

Sumber : Sinar Harian



KOTA BHARU - Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan (JKM) menyalurkan bantuan berjumlah RM5.8 juta sebulan kepada 12,166 warga emas dan pesakit terlantar di negeri ini.

Pengarah JKM Kelantan, Said Sidup berkata, rekod semasa itu merangkumi 9,034 penerima bantuan kategori warga emas berusia 60 tahun ke atas manakala selebihnya 3,132 ialah pesakit terlantar dewasa, kanak-kanak dan bayi.

“Mereka yang sakit antaranya menghidap kanser, strok dan kemalangam selain tidak mampu menguruskan diri sendiri.

“Setiap daripada mereka terima RM500 sebulan dan diberikan kepada waris yang menjaga bagi memudahkan urusan penjagaan,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Penutup Kursus Komuniti Home Nursing Care St John Ambulans Malaysia Kelantan.

Beliau berkata, rekod penerima bantuan JKM akan disemak dan dinilai setiap tiga bulan bagi memastikan diterima oleh golongan yang layak.



Kesemua peserta bergambar bersama Said (tengah).

“Setakat ini mana-mana individu yang layak dan mematuhi syarat-syarat ditetapkan akan menerima bantuan daripada JKM.

“Kerajaan juga tidak menetapkan had untuk membantu rakyat melalui jabatan kami,” ujarnya.

Dalam pada itu, Said berkata, JKM Kelantan dan St John Ambulans bekerjasama menganjurkan kursus bagi memberi ilmu pengetahuan dan kaunseling kepada penjaga pesakit terlantar bermula tahun 2019 di setiap daerah iaitu di Kota Bharu, Machang, Bachok dan Pasir Puteh.

“Ceramah disampaikan oleh pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia dan ahli St John Ambulance kepada peserta yang terdiri daripada Sukarelawan Khidmat Bantu di Rumah JKM, waris pesakit dan agensi kerajaan.

“Kursus seterusnya akan diadakan di Gua Musang, Tanah Merah, Jeli dan Kuala Krai,” katanya.

PENDERITAAN MUHAMMAD ATHIF DAPAT PERHATIAN KERAJAAN NEGERI

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/21/penderitaan-muhammad-athif-dapat-perhatian-kerajaan-negeri/>

Sumber : Kosmo



BERA – Penderitaan seorang kanak-kanak berusia 15 bulan, Muhammad Athif Fahri Mohd. Farhan yang menghidap penyakit genetik jarang berlaku, Atrofi Otot Spina (SMA) mendapat perhatian daripada kerajaan negeri.

Muhammad Athif Fahri memerlukan suntikan ubat jenis genetik Zolgensma bernilai kira-kira RM9.28 juta untuk kesan pulih seumur hidup.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri Pahang, Datuk Sabariah Saidan berkata, kerajaan negeri memberi perhatian kepada kanak-kanak berkenaan yang mana setakat ini keluarga kanak-kanak terbabit menerima bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang.

“Setakat ini kerajaan negeri melalui JKM telah memberi bantuan sebanyak RM500 sebulan. Kita juga telah menguar-uarkan kepada semua rakyat Pahang, termasuk seluruh negara selain memohon kepada pihak korporat bagi menampung perbelanjaan adik Athif.



SABARIAH menyampaikan sumbangan kepada peserta Jelajah Peduli Keluarga di Bera semalam.

“Sebelum ini kerajaan negeri telah menyumbangkan sebuah mesin pernafasan bagi memenuhi keperluan adik Athif yang bernilai RM23,000,” katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Guru dan Hari Keluarga Antarabangsa sempena Jelajah Peduli Keluarga di sini semalam.

Tambahnya, pemantauan berkala turut dilakukan pihak JKM dan Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi klinik kesihatan berdekatan bagi memastikan kanak-kanak tersebut berada dalam keadaan yang sihat dan stabil.

Sebelum ini, Kosmo! melaporkan, Muhammad Athif yang tinggal bersama keluarganya di Permatang Badak, Kuantan memerlukan suntikan ubat genetik berharga RM9.28 juta bagi menghentikan proses kemerosotan fungsi ototnya yang terjejas akibat penyakit dideritainya. – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK 11 TAHUN, REMAJA LELAKI DITEMUKAN LEMAS DI SUNGAI MASAI

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-11-tahun-remaja-lelaki-ditemukan-lemas-di-sungai-masai-420381>

Sumber : Astro Awani



PASIR GUDANG: Seorang kanak-kanak dan seorang remaja lelaki ditemukan lemas selepas dipercayai terjatuh di Sungai Masai berhampiran Pangsapuri Sri Intan, Bandar Seri Alam di sini, malam tadi.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Gudang, Penolong Penguasa Bomba Sarhan Akmal Mohamad berkata mangsa dikenali sebagai Mohd Danish Ahmad, 11, dan Zahir Ajmal Mohd Idris, 13.

Beliau berkata Pasukan Keluaran Operasi melakukan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) di kawasan mangsa dilaporkan hilang dengan menggunakan teknik 'surface searching' serta selaman oleh pasukan penyelamat di air (PPDA).

"Mohd Danish berjaya dijumpai kira-kira pukul 5.06 pagi, manakala Zahir Ajmal dijumpai pada pukul 7.38 pagi pada jarak 50 meter dari lokasi mangsa dipercayai lemas, dan kedalaman air dianggarkan kira-kira tiga meter.

"Jenazah mereka diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut dan operasi ditamatkan sepenuhnya pada 8.33 pagi, " katanya menerusi kenyataan hari ini.

Terdahulu, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada pukul 11.31 malam sebelum 13 anggota dari BBP Pasir Gudang dan enam anggota PPDA dari BBP Skudai digegaskan ke lokasi kejadian.

KANAK-KANAK MAUT DALAM KEMALANGAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/259383/berita/semasa/kanak-kanak-maut-dalam-kemalangan>

Sumber : Sinar Harian



ROMPIN - Seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun maut selepas kereta yang dinaiki bersama ahli keluarganya terbabas ketika melalui Lebuhraya Bahau-Keratong di Bandar Melati 15, Muadzam Shah, awal pagi Sabtu.

Mangsa dikenali Muhammad Raziq Ramli beralamat dari Felda Keratong 6 di sini.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Zulfadli Zakaria berkata, kemalangan turut membabitkan tiga lagi mangsa iaitu dua lelaki dewasa dan seorang lagi kanak-kanak lelaki.

"Kita menerima panggilan kecemasan berkaitan kemalangan itu pada jam 3.20 pagi dan anggota termasuk pegawai dari Balai Bomba Muadzam Shah segera bergerak ke lokasi kejadian.

"Apabila sampai, kita dapati sebuah kereta jenis Perodua Myvi dipercayai telah terbabas lalu jatuh ke dalam gaung sedalam dua meter," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, pasukan bomba menggunakan pengusung untuk mengangkat mangsa yang meninggal dunia ke atas.

"Mangsa yang maut kemudian diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya," katanya.

KANAK-KANAK 6 TAHUN CEDERA DI BADAN AKIBAT TERKENA PERCIKAN BAHAN KIMIA

<https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-6-tahun-cedera-di-badan-akibat-terkena-percikan-bahan-kimia/>

Sumber : Buletin TV3



KEMAMAN: Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun cedera di bahagian belakang badan dipercayai terkena percikan bahan mudah terhakis di sebuah Taman Asuhan Bimbingan dan Kanak-Kanak di Kemaman, Terengganu, dalam kejadian pada Rabu lalu.

Kejadian kira-kira 10 pagi itu, disedari gurunya selepas kanak-kanak yang sedang menyambut Hari Raya Aidilfitri di kelasnya, tiba-tiba berlari ke arahnya sambil menangis kesakitan dan mengadu terasa panas di bahagian belakang badannya.

Menurut ibu mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Masyita, 32, berkata, dia hanya mengetahui insiden menimpa anaknya selepas dihubungi guru anaknya.

“Bila saya tahu saya terus bergegas ke sekolah itu dan ketika sampai, anak saya tidak berbaju dan menangis kesakitan. Saya lihat ada kesan kecederaan pada belakang badan anak.

“Baju Melayu yang dipakai anak saya juga berlubang dan ada kesan terhakis. Saya terus bawa anak ke klinik berhampiran dan anggota perubatan sempat menyuruh saya menyiram air di badan anak bagi meredakan kesakitannya,” katanya.

Masyita berkata, anak sulung daripada dua adik beradik itu kemudiannya dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu untuk rawatan lanjut dan kini sedang dalam pengawasan doktor pakar.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan termasuk mengenalpasti bahan yang terkena pada badan kanak-kanak tersebut.

“Kita belum pasti apa bahan yang telah menyebabkan kecederaan terhadap kanak-kanak itu dan kini kami sedang siasat mengenainya,



“Bagaimanapun, pemeriksaan awal mendapati ada kesan terhakis pada baju kanak-kanak itu dan kita akan bawa sampel bahan tersebut ke Jabatan Kimia,” katanya.

Hanyan berkata, pihaknya akan menyiasat dari segala aspek dan akan turut meneliti sama ada berlaku pengabaian penjagaan terhadap kanak-kanak itu di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001.

KASARI DUA KANAK-KANAK: PENGASUH DIDAKWA ESOK

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/20/kasari-dua-kanak-kanak-pengasuh-didakwa-esok>

Sumber : Utusan Borneo



JOHOR BAHRU: Seorang pengasuh yang dipercayai mengasari dua kanak-kanak di bawah jagaannya di sebuah taska di Mutiara Rini, dekat sini, akan dihadapkan ke mahkamah, esok.

Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata wanita berusia 21 tahun itu, akan didakwa atas pertuduhan di bawah Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001.

“Hasil siasatan mendapati, video rakaman dibuat oleh salah seorang guru taska yang merakam kejadian melalui telefon bimbit miliknya, menunjukkan wanita terbabit disyaki telah mengasari dua kanak-kanak yang berada di bawah jagaannya.

“Justeru suspek akan dituduh esok,” katanya menerusi kenyataan hari ini.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda maksima RM50,000 atau penjara hingga 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pada Isnin lepas, tular dua video di aplikasi WhatsApp yang menunjukkan seorang perempuan mengasari badan seorang bayi yang sedang menangis.

Susulan itu, seorang wanita tempatan direman untuk membantu siasatan kes mengasari bayi di sebuah taska di Mutiara Rini, mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001. -
BERNAMA

STATISTIK PESAKIT KANSER KANAK-KANAK DI SARAWAK MEMBIMBANGKAN – DR SIM

<https://tvstv.my/2023/05/20/statistik-pesakit-kanser-kanak-kanak-di-sarawak-membimbangkan-dr-sim/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 20 Mei: Kadar pesakit kanser dalam kalangan kanak-kanak di negeri ini meningkat setiap tahun dengan purata 60 hingga 70 orang, kata Dato Sri Dr Sim Kui Hian.

Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata ia tidak termasuk pesakit yang dimasukkan semula ke wad untuk rawatan lanjut.

Jumlah yang direkodkan itu katanya amat membimbangkan sekali gus menyumbang kepada punca kematian kanak-kanak di bawah usia 18 tahun.

“Di Sarawak, kita merekodkan antara 60 hingga 70 kes kanser kanak-kanak pada setiap tahun, dan saya dimaklumkan ini tidak termasuk kes-kes dalam kalangan kanak-kanak yang dimasukkan semula ke dalam wad atau kes berulang.

“Ini menjadikan jumlah kes yang dilaporkan adalah sebanyak 200 setahun dan angka ini amat membimbangkan kerana ia menjadikan kanser dalam kalangan kanak-kanak antara punca utama kematian mereka di bawah usia 18 tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran 15th Childhood Cancer International (CCI) Asia Conference di Waterfront Hotel di sini hari ini.

Menurutnya selain penyakit jantung, kanser antara penyumbang kepada statistik penyakit tidak berjangkit yang dicatatkan di Sarawak dengan lebih 3,000 kes setahun.

“Selain penyakit jantung, kanser merupakan penyakit tidak berjangkit yang sering dikesan di Sarawak, dengan lebih 3,000 kes dilaporkan saban tahun,” jelasnya.

Mengulas mengenai penganjuran persidangan itu, Dr Sim berkata ia merupakan platform penting khususnya bagi pengamal perubatan di negeri ini untuk lebih cakna perihal kanser kanak-kanak.

Dengan tema ‘*Bridging The Gaps, Better Care And More Cures*’ ia disifatkan relevan dalam memajukan penyelidikan perubatan khasnya kanser dalam kalangan kanak-kanak bukan hanya di Sarawak tetapi di seluruh dunia. – TVS

SIASAT JIKA PENGASUH CULAS HINGGA SEBABKAN KEMATIAN ANAK - BAPA KEMBAR

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969397/siasat-jika-pengasuh-culas-hingga-sebabkan-kematian-anak-bapa-kembar>

Sumber : Harian Metro



Petaling Jaya: Bapa pasangan kembar, Abdur Rahman Abdullah reda kehilangan anak berusia hampir empat bulan yang meninggal dunia di rumah pengasuh di sekitar Sungai Way di sini, 9 Mei lalu.

Lebih memilukan apabila adik kepada bayi itu terlebih dahulu meninggal dunia ketika berusia sembilan hari disebabkan masalah pendarahan dalam otak.

Abdur Rahman berkata, dia dan isteri reda dengan pemergian kedua-dua cahaya mata mereka namun meminta siasatan terperinci dijalankan sekiranya terdapat unsur penjagaan culas membabitkan pengasuh terbabit.

"Kami tak salahkan pengasuh, tak nak aibkan pengasuh itu tetapi kami tak mahu dia mengasuh budak lain dan jadi macam kami.

"Kami masih menunggu siasatan polis dan kami harap siasatan disegerakan supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

"Kami sedih dengan apa yang berlaku, kami mohon jika wujud kecuaiannya di pihak pengasuh, pihak berwajib akan memainkan peranan sebaiknya," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, dia mengupah pengasuh berkenaan selepas beberapa bulan mencari orang yang sesuai untuk mengasuh anaknya di sekitar Bandar Sunway, Subang Jaya.

Katanya, kejadian itu berlaku beberapa hari selepas dia menghantar anaknya untuk diasuh individu berkenaan.

"Kami ada berjumpa dengan pengasuh di rumahnya untuk melihat keadaan sekeliling dan saya nampak tempatnya okay.

"Pengasuh berusia awal 30-an itu memberitahu bahawa dia mengasuh dua bayi bersama adiknya," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan kenyataan lanjut akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

POLIS BURU LELAKI SAMUN BARISTA WANITA

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/969322/polis-buru-lelaki-samun-barista-wanita>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Seorang wanita berusia 30 tahun kerugian lebih RM6,000 selepas disamun seorang lelaki di hadapan lif sebuah pangsapuri di Sentul Utama, di sini Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Ahmad Sukarno Mohd Zahari berkata, dalam kejadian 10 malam itu, mangsa yang pulang dari kerja menaiki lif untuk ke rumahnya di tingkat lima pangsapuri berkenaan dan dalam lif itu juga terdapat suspek yang memakai topi keledar, baju dan seluar hujan berwarna hitam.

Beliau berkata suspek kemudian keluar di tingkat empat manakala mangsa yang bekerja sebagai barista di sebuah kafe di ibu negara meneruskan perjalanan ke rumahnya di tingkat lima.

"Semasa mangsa keluar dari lif di tingkat lima, suspek telah muncul di hadapan mangsa dan menghunus pisau ke perut mangsa sebelum mengarahkan mangsa mengeluarkan semua barangan peribadi, antaranya sebuah telefon bimbit, kad bank serta dokumen peribadi yang bernilai kira-kira RM6,500," katanya dalam kenyataan hari ini.

Ahmad Sukarno berkata suspek yang dianggarkan setinggi 160 sentimeter dan seberat 70 kilogram itu kemudian melarikan diri dengan menaiki motosikal.

Katanya kes disiasat mengikut Seksyen 392/397 Kanun Keseksaan kerana samun bersenjata, manakala orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan identiti suspek boleh menyalurkan kepada Pusat Kawalan Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul di talian 03-4048 2222.

KEPRIHATINAN PEMANDU GRAB BANTU WANITA WARGA EMAS TULAR

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1103966/keprihatinan-pemandu-grab-bantu-wanita-warga-emas-tular>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Video menyentuh hati seorang pemandu Grab membantu seorang wanita warga emas menarik perhatian netizen yang memuji kebaikan dan keprihatinannya.

Insiden itu menjadi tular selepas pengguna TikTok, Zetadox, dengan pemegang akaun @divvy19, berkongsi video yang memaparkan pemandu Grab dan seorang pengawal keselamatan membantu seorang penumpang.

Beliau menyaksikan pemandu Grab berkenaan secara peribadi membawa wanita warga emas yang tidak dapat berjalan, menuju ke kerusi roda.

Malah, pemandu e-hailing itu juga turut mengangkat tangan sebagai tanda maaf kepada pemandu kenderaan yang berada di belakangnya.

"Tindakan kebaikannya sangat memberi inspirasi, semoga pemandu Grab tersebut diberi keberkatan," katanya menerusi video yang dimuat naik.

@divvy19 Witnessed a great act of kindness. God bless you Grab car driver **#fyp Dancing With Your Ghost - Sasha Alex Sloan**

Selain itu, pengguna TikTok tersebut menekankan bahawa suami penumpang itu juga adalah seorang warga emas.

Tambah beliau, suami kepada wanita warga emas itu juga melahirkan rasa syukur kerana belas kasihan masih wujud tidak mengira bangsa atau agama.

Rata-rata netizen memuji sikap baik pemandu Grab atas tindakan beliau membantu warga emas tersebut.

"In the end (akhirnya), semuanya bergantung pada nawaitu dan hati. Alhamdulillah masih wujud insan camni kat dunia," kata netizen mierulmalique.

"His parents raised him well (ibu bapanya membesarkan dia dengan baik). Semoga sentiasa dimudahkan rezeki ye," kata Mummy Elle.

Oren Misaki pula berkata; 'Semoga brader grab tu dimudahkan rezeki...dapat banyak job... dapat tips banyak...dipermudahkan dapat jalan yang tak jem (sesak).

LIBAT WANITA DALAM PROSES BUAT KEPUTUSAN BERKAITAN PENYESUAIAN IKLIM

<https://www.sinarharian.com.my/article/259293/berita/nasional/libat-wanita-dalam-proses-buat-keputusan-berkaitan-penyediaan-iklim>

Sumber : Sinar Harian



PUTRAJAYA - Kaum wanita seharusnya dilibatkan dalam proses membuat keputusan yang melibatkan penyesuaian dan pengurangan bahaya berkaitan iklim, kerana mereka juga terkesan dengan natijah perubahan iklim itu, titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Bertitah pada edisi ke-30 Persidangan Dunia Tiga Tahun Sekali, Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW), Tengku Hassanul bertitah, suara wanita perlu didengar di semua peringkat membuat keputusan daripada perancangan sehingga peringkat pelaksanaan.

"Ia juga penting untuk memastikan wanita mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan, termasuk penjagaan kesihatan reproduktif, dan keperluan kesihatan mereka diambil kira dalam usaha penyesuaian dan pengurangan bahaya berkaitan perubahan iklim," titah baginda pada majlis pelancaran itu.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menyempurnakan [perasmian](#) persidangan itu.

Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah turut berkenan berangkat pada majlis itu.

Tengku Hassanah bertitah, ACWW telah menekankan bahawa perubahan iklim boleh memberi impak yang besar, terutamanya kepada kesihatan wanita, sehubungan itu baginda bertitah menangani kesan khusus jantina akibat perubahan iklim, akan mewujudkan suasana yang lebih saksama dan mampan untuk semua.

"Inilah tugas-tugas yang dilaksanakan ACWW di peringkat tempatan, kebangsaan serta antarabangsa, dan ia akan terus dilaksanakan dengan baik pada masa hadapan. Anda mendapat sokongan dan iringan doa saya," titah baginda.

Turut hadir di majlis ini ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

ACWW ditubuhkan pada tahun 1929 untuk menyatukan wanita luar bandar dan organisasi mereka di seluruh dunia, di samping berusaha menangani cabaran yang dihadapi akibat isolasi komuniti, diskriminasi dan terpinggir dalam proses politik.

Keahlian ACWW merangkumi 82 negara, dan sejak 1947, persatuan itu telah meluluskan lebih 180 resolusi dasar melalui undian popular. – Bernama

WARGA PAKISTAN DITAHAN, ROGOL WANITA OKU

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/968655/warga-pakistan-ditahan-rogol-wanita-oku>

Sumber : Harian Metro



Kota Bharu: Lelaki warga Pakistan ditahan bagi membantu siasatan kes rogol seorang wanita berstatus Orang Kurang Upaya (OKU).

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd Rosdi Daud berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian yang berlaku tengah hari kelmarin.

"Sekitar jam 1 tengah hari, mangsa yang berusia 30 tahun dan mengalami masalah ketidakupayaan intelektual berseorangan berjalan ke kedai makan di Jalan Padang Tembak, di sini.

"Suspek kemudian mengajak mangsa ke tingkat atas sebuah rumah kedai dan merogol mangsa.

"Mangsa dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut manakala pihak kami segera mengesan suspek," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Mohd Rosdi berkata, sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu berjaya menangkap lelaki Pakistan itu di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa.

Menurutnya, ujian saringan awal air kencing terhadap suspek yang berusia 42 tahun adalah negatif.

"Suspek juga tiada rekod kesalahan lampau dan dia ditahan reman selama tujuh hari bermula semalam hingga 24 Mei ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan (KK)," katanya.

IBU TUNGGAL RAIH RM10,000 HASIL TANAM KACANG TANAH

<https://www.sinarharian.com.my/article/259544/edisi/pahang/ibu-tunggal-raih-rm10000-hasil-tanam-kacang-tanah>

Sumber : Sinar Harian



PEKAN - Penglibatan seorang ibu tunggal dalam penanaman kacang tanah ternyata berbaloi apabila beroleh pendapatan lumayan sejak pengusaha penanaman itu tiga tahun lalu.

Pekebun, Hashimah Wahab, 56, mengakui tidak menyangka kacang tanah mendapat permintaan tinggi dan mampu meriah hasil jualan sehingga RM10,000 untuk satu musim pengeluaran.

Dia yang mengusahakan tanaman tersebut di atas tanah seluas 0.81 hektar di Bukit Kenau, Pulau Manis, di sini, berkata, pendapatan sebanyak itu diperoleh dalam tempoh dua bulan setengah selepas tanaman berkenaan matang.

"Permintaan terhadap kacang tanah segar ini amat menggalakkan dan kadang kala bekalan tidak mencukupi.

"Setiap kali musim tanaman, saya mampu meraih hasil jualan kacang tanah segar lebih RM10,000. Jadi dengan pendapatan ini saya gunakan untuk menyara 11 anak dan sebagai modal pusingan seterusnya," katanya pada Ahad.

Dia yang menetap perumahan komuniti asnaf Bukit Kenau, Pulau Manis memaklumkan permintaan yang tinggi menjadi faktor utama dirinya terus memilih untuk mengusahakan tanaman kacang tanah itu.

Ujarnya, bantuan daripada anak-anak memberi suntikan semangat untuk terus melakukan kerja-kerja penanaman walau bagaimanapun hanya dua kali pusing dalam setahun.

"Saya seronok dengan kerja ini (tanam kacang tanah) bila sudah tiba masa tuai, ada pelanggan yang datang terus ke kebun. Mereka sendiri mencabut pokok kacang, selain saya menjual kepada pemborong," katanya.

Ditanya mengenai modal, Hashimah berkata, sebanyak RM2,000 hingga RM3,000 dilaburkan untuk semusim tanaman kacang tanah yang diusahakannya.



Hashimah mengusahakan tanaman kacang tanah seluas 0.81 hektar di Bukit Kenau, Pulau Manis.

Jelasnya, disebabkan faktor banjir penanaman kacang tanah hanya dapat dilakukan dua kali setahun.

"Saya pilih tanaman ini (kacang) sebab tumbuhan ini mudah untuk dijaga. Saya pilih kacang tanah bersaiz besar yang mempunyai tiga hingga empat ulas isinya sebiji.

"Dalam masa dua bulan setengah selepas ditanam pokok kacang tanah akan mengeluarkan hasil dan setiap pokok mampu menghasilkan antara 30 hingga 40 biji," katanya.

Hashimah menambah, bagi memastikan pokok mengeluarkan hasil yang banyak dan bersaiz besar, kapur dan baja diperlukan.

"Dari segi penjagaan tanaman kacang tanah mudah menjaganya, di peringkat awal penanaman pokok memerlukan siraman setiap hari.

"Ancaman utama ialah tikus dan penyakit pucuk mati yang tidak terlalu membimbangkan. Untuk menghasilkan benih tuaian dilakukan dalam selepas usia pokok tiga bulan," jelas wanita itu.

Dia mengakui bertuah kerana menerima pelbagai bantuan input pertanian seperti baja, racun, kapur dan pagar elektrik daripada Jabatan Pertanian Pahang.

"Jentera dan kawasan tanaman disediakan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)," katanya.

IBU TUNGGAL HILANG SEBELAH KAKI, ANAK TEMPAT BERGANTUNG

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/22/ibu-tunggal-hilang-sebelah-kaki-anak-tempat-bergantung/>

Sumber : Kosmo



KULIM – Seorang ibu tunggal berdepan dugaan apabila kaki kanannya terpaksa dipotong sehingga paras betis akibat penyakit kencing manis.

Disebabkan kehilangan anggota badan itu, Nurul Wahida Jamaluddin, 41, kini hilang punca pendapatan dan hanya bergantung dengan bantuan zakat sebanyak RM300 sebulan.

Nurul Wahida berkata, kakinya dipotong pada Mac lalu, hari pertama umat Islam berpuasa.

“Doktor ambil keputusan memotong kaki selepas ibu jari kaki kanan luka dan bernanah seterusnya merebak ke tapak kaki.

“Selama 10 hari saya berada di hospital dan menjalani pembedahan sebanyak tiga kali untuk membuang isi kaki yang rosak akibat jangkitan kuman.

“Saya reda dengan ujian ini dan kini terlantar atas katil. Sekarang saya perlu mencuci luka kaki dan bisul di belakang badan setiap hari di klinik swasta,” katanya ketika ditemui.

Ceritanya, sebelum ini, dia yang menjual nasi lemak menanggung luka yang besar akibat bisul di belakang badan dan kini semakin pulih, namun perlu dirawat.

“Sejak kaki dipotong, pergerakan makin terbatas, tambahan pula penglihatan makin kabur. Mujur dua adik lelaki dan tiga anak membantu,” katanya.

Anak sulungnya berusia 19 tahun, manakala dua lagi berusia 13 dan lapan tahun. Dua adiknya berusia 26 dan 25 tahun turut tinggal bersama Nurul Wahida.

Keluarga itu juga kini dalam proses memohon bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Orang ramai yang ingin membantu meringankan beban Nurul Wahida boleh menghubungi di talian **012-5520954** atau menyalurkan sumbangan ke akaun CIMB Bank Nurul Wahida bernombor **7610501757**.

IBU TUNGGAL TERIMA FAEDAH PENAKAT RM100,000 SELEPAS 21 TAHUN SUAMI MENINGGAL

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/ibu-tunggal-terima-faedah-penakat-rm100000-selepas-21-tahun-suami-meninggal/>

Sumber : Utusan



KUALA TERENGGANU: Seorang ibu tunggal menerima faedah pencen penakat lebih RM100,000 daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial ([Perkeso](#)) selepas arwah suaminya meninggal dunia kira-kira 21 tahun lalu.

Zaliha Yunus, 57, dari, Kampung Surau Haji Yaakub di sini, berkata, pada awalnya, arwah suami, Ali Embong, yang bekerja sebagai pembantu juruukur di sebuah syarikat swasta meninggal dunia akibat jangkitan kuman pada Disember 2002.

Zaliha berkata, hasil semakan ketika itu mendapati majikan arwah suaminya tidak membuat caruman sejak 1997 walaupun arwah mendaftar di bawah Perkeso

“Saya membuat semakan itu sebaik arwah suami meninggal dunia bagi menyara kehidupan saya dan tiga anak yang sewaktu itu berumur tiga, tujuh dan 10 tahun.

“Saya ambil upah melipat baju di rumah jiran selain mengasuh bayi dengan pendapatan RM100 sebulan.

“Hanya Allah yang tahu sukarnya hidup kami empat beranak termasuk anak sulung saya yang bergelar orang kelainan upaya (OKU) namun telah pun meninggal dunia,” katanya.

Zaliha berkata demikian selepas menerima faedah RM106.732.79 dan Faedah Pengurusan Mayat RM1,500 pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perkeso Peringkat Negeri di sini, semalam.

Pada majlis itu, Zaliha menerima cek faedah pencen penakat itu daripada Ahli Lembaga Pengarah Perkeso, Datuk Ahmad Nadzarudin Abdul Razak.

Menurut Zaliha, dia hanya menyedari arwah layak menerima wang faedah itu apabila anak saudaranya yang juga kakitangan Perkeso secara kebetulan membuat semakan semula status caruman arwah suami.

“Dia (anak saudara) terdetik untuk menyemak sebelum mendapati majikan arwah ada membuat caruman secara sekali gus pada 2017, tetapi saya tidak tahu berapa jumlah caruman tersebut.

“Saya menganggap ini rezeki yang ditinggalkan dan merancang untuk mengerjakan haji untuk diri sendiri dan arwah suami,” katanya. [-UTUSAN](#)

WARGA EMAS MANGSA PERTAMA KELESUAN HABA DI SABAH

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1103622/warga-emas-mangsa-pertama-kelesuan-haba-di-sabah>

Sumber : Berita Harian



KOTA KINABALU: Warga emas menjadi mangsa pertama kes kelesuan haba akibat cuaca panas yang dilaporkan di Sabah setakat ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr Rose Nani Mudin, berkata ia menjadikan masalah kesihatan akibat cuaca panas yang direkodkan di Sabah meningkat kepada empat kes sejak 15 April lalu.

Katanya, tiga kes yang dilaporkan sebelum ini dikaitkan dengan strok haba, sudah sembuh selepas menerima rawatan di hospital.

"Terdapat pertambahan satu kes berkaitan cuaca panas iaitu seorang lelaki warga emas berumur 61 tahun yang bekerja sebagai juruelektik dimasukkan ke wad pada 17 Mei dan dibenarkan keluar pada 18 Mei lalu selepas

mendapatkan rawatan untuk kelesuan haba.

"Kes ini dirawat di sebuah hospital swasta. Gejala kelesuan haba adalah sakit kepala, pening, rasa mual, muntah, kelesuan, kekejangan otot dan suhu badan meningkat," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Berikutan peningkatan masalah kesihatan berkaitan cuaca panas itu, Dr Rose Nani menasihatkan orang ramai di Sabah supaya terus mengamalkan langkah untuk mengelakkan dehidrasi.

Antara langkah itu, katanya termasuk meminum banyak air kosong, memendekkan tempoh aktiviti di luar rumah, berehat di tempat yang sejuk dan mempunyai pengudaraan yang baik serta mengelakkan pakaian yang memerangkap haba.


"Segeralah berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan sekiranya mengalami tanda-tanda awal penyakit berkaitan cuaca panas.

"Nasihat kesihatan bagi krisis ini juga boleh diperolehi daripada Portal Rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia di laman sesawang <http://www.myhealth.gov.my>," katanya.

PESARA WARGA EMAS RUGI RM89,300 DIPERDAYA SINDIKET PARCEL SCAM

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/pesara-warga-emas-rugi-rm89300-diperdaya-sindiket-parcel-scam/>

Sumber : Utusan



MUAR: Seorang pesara warga emas kerugian RM89,300 akibat diperdaya penipuan kiriman bungkusan yang tidak wujud atau Parcel Scam selepas ditunjukkan surat notis kehadiran ditandatangani individu yang menyamar polis di sini. Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, mangsa yang berusia 68 tahun itu menerima panggilan daripada seseorang memaklumkan terdapat parcel atas nama wanita itu yang mengandungi...

MAIWP HULUR SUMBANGAN SYAWAL RM90,000 KEPADA OKU

<https://www.sinarharian.com.my/article/259464/berita/nasional/maiwp-hulur-sumbangan-syawal-rm90000-kepada-oku>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyampaikan sumbangan berjumlah RM90,000 kepada 300 Orang Kurang Upaya (OKU) pada majlis Jalinan Aidilfitri Rahmah Madani MAIWP Bersama Insan Istimewa, di sini pada Sabtu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, jumlah itu melibatkan sumbangan bantuan tunai RM200 seorang berjumlah RM60,000 beserta cenderahati Aidilfitri dengan jumlah keseluruhan RM30,000 kepada 300 OKU yang diraikan dalam majlis berkenaan.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pembayar zakat di Wilayah Persekutuan yang membolehkan sumbangan itu dihulurkan kepada golongan berkenaan.

"Tanpa ada komitmen para pembayar zakat sudah tentu program bantuan seperti ini tidak dapat dilaksanakan secara optimum, maksimum dan menyeluruh," katanya.

Golongan OKU yang diraikan pada majlis pada Sabtu ialah daripada Persatuan OKU Sentral, Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia dan Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia. – Bernama

WARGA MALAYSIA DIKHUATIRI HILANG KETIKA DAKI EVEREST

<https://www.malysiakini.com/news/665831>

Sumber : Malaysia Kini



Pendaki orang kurang upaya (OKU) Malaysia Everest 2023 Muhammad Hawari Hashim, dikhuatiri hilang di kawasan pergunungan Everest ketika turun dari Kem 4 selepas menawan puncak gunung tertinggi di dunia itu.

Perkara itu disahkan Ketua Misi Ekspedisi Azim Afif Ishak ketika dihubungi Bernama TV dan operasi pencarian masih dijalankan.

Muhammad Hawari, 33, merupakan OKU pendengaran, dipercayai hilang ketika menuju ke Kem 3 selepas berjaya menawan puncak Gunung Everest yang berketinggian 8,848 dari paras laut, pada Khamis.

Azim Afif berkata, setakat ini Hawari masih belum dijumpai dan pendaki OKU itu sudah hilang hampir 24 jam.

Dia berkata kali terakhir Hawari berjaya dihubungi ketika pendaki itu berada di Kem 4.

Dalam pada itu, menurut laporan media Nepal The Himalayan Times yang memetik kenyataan pengendali ekspedisi Pengarah Pioneer Adventure Nivest Karki, Hawari telah hilang sejak Jumaat dan usaha pencarian masih dijalankan.

Hawari merupakan pendaki kumpulan pertama ke puncak Everest bersama pendaki yang juga Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Kedah Lt Kol Awang Askandar Ampuan Yaacub.

Bagaimanapun, Awang Askandar, 56, disahkan meninggal dunia selepas terjatuh ketika melakukan pendakian ke puncak gunung Everest.